



Lessings Ringparabel

Nathan der Weise.

Ein
Dramatisches Gedicht,
in fünf Aufzügen.

Introite, nam et heic Dii sunt!

APVD GELLIVM.

Von
Gotthold Ephraim Lessing.

1779.

[...]

NATHAN Pada zaman dahulu kala, tinggal seorang lelaki di Benua Timur; dia memiliki sebuah cincin yang tidak ternilai, yang telah dihadiahkan oleh kekasihnya. Permatanya sebutir opal yang menyinarakan ratus aneka warna dan mempunyai kuasa ghaib yang menyebabkan sesiapa yang berhati tulus memakainya hidup tenteram dengan Tuhan dan manusia. Sememangnya, insan Timur ini tidak pernah menanggalkan cincin itu dari jarinya; dan berusaha sedaya-upaya untuk memastikan cincin itu tetap dimiliki keluarganya buat selama-lamanya. Maka, dia mewariskan cincinnya itu kepada anak lelaki yang paling disayangnya dan meminta anaknya itu turut mewariskannya kepada anak lelakinya yang paling disayangi secara turun temurun, tanpa mengira pangkat kelahiran, anak yang memiliki cincin itu akan menjadi ketua, putera keluarga. – Tuanku faham?

SALADIN Beta faham. Teruskan!

NATHAN Maka cincin itu diwarisi secara turun-temurun daripada seorang anak lelaki kepada anak lelaki yang lain, hinggalah suatu hari ia sampai ke tangan seorang ayah yang mempunyai tiga orang putera. Ketiga-tiganya sama bertanggungjawab terhadap ayahnya, dan ayahnya tidak dapat membezakan kasih sayangnya terhadap ketiga-tiga puteranya itu. Kadang kala, semasa berada bersama-sama salah seorang puteranya, tanpa kehadiran dua putera yang lain, ayah itu mula tertanya-tanya sama ada yang pertama, yang kedua, atau ketiga yang wajar sekali menerima cincinnya itu. Dan, akibat kelemahnya, dia menjanjikan cincinnya kepada setiap putera. Maka, masa pun berlalu sejauh yang mungkin. Sehingga saat menanti ajalnya, si ayah yang baik itu mula berasa khuatir. Perkara itu menyebabkan hatinya berasa sedih andai kata dia terpaksa melukakan hati dua lagi puteranya yang pegang pada janjinya. – Apa yang harus dibuat?

Secara rahsia, dia memanggil seorang jauhari dan menempah dua bentuk cincin yang menyerupai cincin asalnya. Dan, tanpa mengira harga atau usaha, dia memastikan bahawa ketiga-tiga bentuk cincin itu serupa dari segala segi. Jauhari itu berjaya menghasilkannya. Ketika dia datang membawa tiga bentuk cincin itu, si ayah tidak dapat membezakannya daripada cincinnya yang asal. Dengan rasa girang dan gembira, dia memanggil anak lelakinya, seorang demi seorang; dan

kepada setiap seorang dia memberi restunya – dan cincinnya, – lalu meninggal dunia. Tuanku masih mendengar?

SALADIN *(yang telah memalingkan mukanya, bingung.)*

Beta dengar, beta dengar! – Habiskan ceritamu, cepat!

Dah habiskah?

NATHAN Patik hampir menghabiskannya. Apa yang berlaku kemudian mudah sekali diramal. – Sebaik saja si ayah meninggal dunia, setiap anak lelakinya datang membawa cincinnya, ketiga-tiga mereka mahu menjadi ketua rumah. Mereka memeriksa, bersungut, bertengkar. Tiada gunanya; tidak dapat dibuktikan mana satu cincin yang asal; –

(selepas berhenti seketika, menantikan jawapan Sultan)

Tak dapat dibuktikan, hampir seperti – kepercayaan yang sebenar.

SALADIN Apa? Itukah jawapan kepada soalan beta?...

NATHAN Bukan, ia cuma alasanku, kerana aku tidak yakin untuk membezakan antara cincin tersebut sebagaimana kemahuan si ayah yang baik itu agar cincin—cincin itu tidak dapat dibezakan. –

SALADIN Cincin! – Jangan main-main dengan beta! Beta kira, agama-agama yang telah beta sebutkan cukup berlainan; dari segi pakaian, juga makanan dan minuman!

NATHAN Dari segi sejarah sahaja tidak. – Kerana ketiga-tiganya berasaskan sejarah, bukan? Dan sejarah harus dipercayai sepenuhnya, kan? – Jadi, apakah kepercayaan yang harus diterima tanpa rasa ragu? – kepercayaan kita sendiri bukan? Kepercayaan darah daging kita sendiri, kan? Kepercayaan mereka yang telah mengasuh dan menyayangi kita sejak zaman kanak-kanak, kan?

Yang tidak pernah menipu kita, kecuali apabila pembohongan itu lebih baik bagi kita? Bolehkah patik percaya sedikit sahaja kepada nenek moyang patik berbanding kepercayaan Tuanku terhadap nenek moyang Tuanku?

Atau sebaliknya, bolehkah patik menyuruh Tuanku berbohong kepada nenek moyang Tuanku, supaya mereka tidak disangkal?

Samalah juga bagi kaum Kristian, bukan?

SALADIN (Ya, Allah! Dia memang betul. Aku tidak dapat menafikannya.)

NATHAN Ayuh kita kembali berbicara tentang cincin kita. Seperti yang patik katakan tadi: ketiga-tiga orang anak lelaki itu menuntut hak mereka, Setiap orang bersumpah kepada Tuan Hakim bahawa dia menerima cincinnya daripada tangan ayahnya sendiri, – itu memang benar!

Setelah lama dijanjikan bahawa mereka akan menikmati faedah daripada cincin itu. – Itu juga benar! – Setiap orang menegaskan bahawa ayahnya tidak mungkin memperdayakan mereka, dan sebelum setitik keraguan jatuh pada ayah, mereka percaya bahawa adik-beradik merekalah yang memperdayakan mereka, Dan mereka ingin mencari pengkhianat itu dan membalas dendam, walaupun dalam hal lain mereka memang berniat baik terhadap adik-beradik mereka.

SALADIN Dan, Tuan Hakim? – Beta mahu dengar keputusan yang telah kau sediakan untuk Tuan Hakim. Cakaplah!

NATHAN Kata Tuan Hakim, Bawalah ayahmu sebagai saksi, Kalau tidak, aku bangun dan pergi. Kamu semua ingat, kerja aku ini untuk menyelesaikan teka-teki? Atau, kamu semua harap cincin asal akan membuka mulut? Tapi, sebentar! Aku dengar cincin asal mempunyai kuasa ghaib yang dapat memberi ketenangan kepada pemakainya dengan Tuhan dan manusia. Itulah yang akan membuat keputusan! Kerana cincin palsu tidak ada kuasa sedemikian! – Jadi, siapakah yang paling disayangi olehmu? – Jawablah!

Kamu diam? Takkanlah cincin palsu memancarkan kuasanya? Dan bukan ke dunia luar? Setiap orang paling sayangkan dirinya sendiri? Oh, ketiga-tiga pengkhianat pun telah dikhianati! Cincin kamu semua palsu. Cincin asal mungkin telah hilang. Untuk menyembunyikan kehilangan itu, untuk menggantikannya, ayah kamu telah menempah tiga bentuk cincin yang serupa.

SALADIN Syabas! Syabas!

NATHAN Maka, sambung Tuan Hakim, kau mungkin tidak mahu mendengar nasihatku, cuma mahu mendengar keputusanku, Tidak apa! – Namun, inilah nasihatku,

terimalah hakikatnya begitu saja: Setiap anak lelaki telah menerima cincinnya daripada ayah mereka, dan mereka percaya cincinnya itulah cincin yang asal. Barangkali ayahmu tidak tahan lagi akan pengaruh sakti sebertuk cincin di rumahnya! – Dan pastinya dia amat sayangkan kamu bertiga:

Dia tidak mahu melukakan hati dua anak yang lain jika dia berat sebelah terhadap seorang anak. – Baiklah! Biarlah setiap anak berusaha sedaya upaya untuk mencapai kasih sayang yang murni! Biarlah setiap anak bersaing untuk membawa kuasa cincinnya ke cahaya siang hari!

Dan melepaskan kuasa itu dengan kelembutan, dengan bakti yang ikhlas kepada Tuhan! Dan suatu hari nanti, beribu-ribu tahun dari sekarang, apabila kuasa cincin ini terjelma dalam hayat anak cucumu, akan kujemput kamu semula menghadap kerusi ini:

Pada masa itu, seorang insan yang lebih bijaksana akan duduk di sini; dan bertutur. – Pergi! – Itulah kata Tuan Hakim yang rendah hati.

SALADIN Ya, Allah! Ya, Allah!

NATHAN Saladin, kalau Tuanku rasa dirinya sebagai insan yang lebih bijaksana...

SALADIN *(menerpa ke arah Nathan lalu memegang tangannya, dan tidak melepaskannya)*
Aku ini, debu? Kekosongan? Ya, Allah!

NATHAN Kenapa, Tuanku?

SALADIN Nathan, Nathan yang baik! –
Ribuan tahun Tuan Hakim itu belum habis lagi. – Kerusi Tuan Hakim itu bukanlah tempat beta. – Pergi! – Pergi! – Tapi, kau tetap menjadi sahabat beta.

Quelle:

Serpihan dari: *Nathan Yang Bijak* oleh Gotthold Ephraim Lessing, terjemahan oleh Pauline Fan, terbitan Institut Kajian Dasar, 2007.



Herausgegeben von der Lessing-Akademie
nach einer Idee von Frau E. Niemann (Wolfenbüttel),
unterstützt durch eine großzügige private Spende.



Lessing-Akademie
Schlossplatz 2 · 38304 Wolfenbüttel
Tel.: (05331) 808-227 · Fax: (05331) 808-248
E-mail: lessingakademie@hab.de · www.lessing-akademie.de